

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Sunday, 7 May, 2017 2:55 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Azhar B Anis Mohammad; Dr. Mohd Dino Khairri Bin Shariffuddin; Mohd Ashari B Yaakub; Dr. Mohd Azril Bin Ismail
Subject: INASIS MAS ONLINE: PROGRAM FORUM MENTAL HEALTH AWARENESS



7 MEI 2017, AHAD | 10 SYAABAN 1438H



INASIS MAS ONLINE: Jawatankuasa Kepimpinan dan Pembangunan Siswa (JKPS) Inapan Siswa Malaysia Airlines (Inasis MAS) mengambil inisiatif menganjurkan Program Forum *Mental Health Awareness* yang diadakan di Inasis MAS, Universiti Utara Malaysia baru-baru ini.

Program ini merupakan salah satu langkah untuk memberikan pendedahan kepada pelajar, khususnya mahasiswa tentang peringkat awal masalah penyakit mental dan cara rawatan atau terapi yang boleh digunakan.

Barisan ahli panel jemputan terdiri daripada Dr. Siti Irma Fadhilah Ismail, Pensyarah dan *Clinical Psychologist* daripada Universiti Putra Malaysia, Encik Mohd Fitri, Pegawai Psikologi daripada Universiti Utara Malaysia dan Muhd Fakrur Razi, Presiden Kelab Pembimbing Rakan Siswa Universiti Utara Malaysia dan moderator iaitu Nurul Fazilah Ayob, Majlis Tertinggi Inasis MAS Universiti Utara Malaysia.

Program ini juga membuka peluang kepada mahasiswa untuk menanyakan mengenai isu yang dibincangkan dan dapat dilihat bahawa ramai pelajar yang tidak faham perbezaan antara masalah penyakit mental dan masalah *stress* yang sebenarnya dianggap sebagai normal dalam kalangan pakar. Persoalan tersebut telah diberi pencerahan oleh ahli panel.

Pihak Inasis MAS merasakan program seperti ini perlu diperbanyakkan demi menjaga kebajikan dan kesihatan mahasiswa dari sudut mental dan fizikal.

UNIT PENERBITAN, MEDIA DAN PENYELIDIKAN

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH
Website: www.hep.uum.edu.my | Emel: hep@uum.edu.my | Facebook: <https://www.facebook.com/hep.uum>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.